



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 18 OGOS 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FELCRA AGIH RM101 JUTA KEPADA 74,300 PESERTA, LOKAL, HARIAN METRO – M/S 16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	FELCRA POSTS RM178M PROFIT, NEWS/NATION, NST – M/S 2	
3.	FELCRA PROFIT HITS RM178 MILLION, NATIONAL, THE SUN – M/S 2	
4.	74,300 PESERTA FELCRA DAPAT RM101J, NEGARA, KOSMO – M/S 8	
5.	PRESERVE HARMONY IN GOVT, NATION, STAR – M/S 2	
6.	FELCRA CATAT UNTUNG BOLEH AGIH RM178 JUTA, NASIONAL, BERITA HARIAN – M/S 16	
7.	PAHANG FIRST STATE TO INTRODUCE PREBIOTIC RICE, NATIONAL, THE SUN – M/S 4	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	CUACA PANAS JEJAS BEKALAN MAKANAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – M/S 10	
9.	KOMPLEKS FARM FRESH DI PERAK HASILKAN 33,000 LITER SUSU SEHARI, BISNES, BERITA HARIAN – M/S 27	
10.	TIADA ADUAN KUPANG, KERANG TERCEMAR DIJUAL MURAH DI PD, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – M/S 31	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	850 SERTAI PESTA MENGOCA, BUCU BAUNG EKOR MERAH, NASIONAL, BERITA HARIAN – M/S 20	
12.	PULAU PANGKOR SUMBANG LEBIH RM42J, BISNES, SINAR HARIAN – M/S 1	
13.	RAIH REZEKI LUMAYAN TANAM KACANG BULU, BISNES, SINAR HARIAN – M/S 28	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	16

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Pasir Salak

FELCRA Bhd (FELCRA) semalam mengumumkan keuntungan kasar boleh agih berjumlah RM178 juta bagi Projek Penyatuan dan Pemuliharaan (P&P) daripada Januari hingga April 2025.

Daripada Jumlah Keuntungan Boleh Agih Interim 1 Tahun 2025 itu, RM101 juta akan diagihkan kepada 74,300 peserta di seluruh negara dengan ia akan dibayar kepada warga peserta secara berperingkat bermula semalam.

Hasil keuntungan melalui 646 projek menguntungkan FELCRA itu diumumkan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid berkata, agihan keuntungan itu adalah hasil kejayaan FELCRA mengekalkan prestasi baik iaitu kenaikan hampir RM2 juta berbanding prestasi bagi tempoh sama tahun lalu.

"Saya berharap agihan ini bukan sahaja menjadi suntikan kewangan, tetapi juga pembakar semangat kepada semua peserta untuk terus memajukan projek masing-masing."

"Jadikan keuntungan ini sebagai modal untuk meningkatkan produktiviti, mengguna pakai teknologi baharu dan memperkukuh daya saing supaya FELCRA terus menjadi tonggak pembangunan ekonomi luar bandar," katanya pada majlis pelancaran padi benih wangi FELCRA MRQ 107 di FELCRA Plantation Services Sdn Bhd, Seberang Perak di sini, semalam.

Hadir sama pada program itu ialah Timbalan

PROJEK P&P: KEUNTUNGAN KASAR RM178 JUTA

FELCRA agih **RM101 juta** kepada 74,300 peserta



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika melawat sawah padi MRQ107 sewaktu hadir merasmikan Majlis Pelancaran Padi Benih Wangi di FELCRA Plantation Services Sdn Bhd Seberang Perak, semalam.

Menteri KKDW Datuk Rubiah Wang dan Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Datuk Idris Lasim.

FELCRA menerusi kenyataan berkata, peningkatan keuntungan itu didorong antaranya oleh lonjakan 81 peratus keuntungan bersih projek kelapa sawit, kenaikan harga purata minyak sawit mentah kepada RM4,423.83 per metrik tan dan kecekapan operasi yang mengurangkan

"Saya berharap agihan ini bukan sahaja menjadi suntikan kewangan, tetapi juga pembakar semangat kepada semua peserta untuk terus memajukan projek masing-masing"

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

kos 15 peratus dan meningkatkan hasil per hektar 49 peratus.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, FELCRA tu-

rut melakar sejarah penting melalui pengkomersialan padi FELCRA MRQ 107 iaitu varieti padi wangi tempatan yang menjadi

alternatif berkualiti kepada beras wangi import.

Menurut beliau, dengan aroma wangi semulajadi, tekstur nasi yang lembut dan enak serta hasil tuaian yang sederhana tetapi stabil dan sesuai dijadikan beras rebus, ia diyakini memenuhi selera rakyat selain memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Antaranya dengan mengurangkan kebergantungan kepada bekalan beras

import selain membuka pasaran baharu.

Kata Ahmad Zahid, susulan itu, beliau mahu Felcra menetapkan pengeluaran daripada 3,000 tan metrik tahun ini, kepada 6,000 tan metrik tan pada tahun hadapan.

"Janganlah usaha ini hanya sekadar meletakkan jenama di atas beg, tetapi ia perlu menjadi setanding dengan jenama lain," katanya.



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is also rural and regional development minister, with the MRQ 107 fragrant rice variety at the Padi Seed Centre, Felcra Plantation and Services, in Seberang Perak yesterday. With him are Deputy Rural and Regional Development Minister Datuk Rubiah Wang (third from right) and Felcra chief executive officer Datuk Idris Lasim (right). BERNAMA PIC

CONSOLIDATION AND REHABILITATION PROJECTS

FELCRA POSTS RM178M PROFIT

Corporation
disbursing RM101m
to 74,300 participants

MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN
SURI
PASIR SALAK
news@nst.com.my

FELCRA Bhd yesterday announced a distributable profit of RM178 million from its Consolidation and Rehabilitation (P&P) projects between January and April this year.

From this, RM101 million will be distributed to 74,300 participants nationwide, with payments to be made in stages starting yesterday.

The profit, derived from 646 projects under Felcra, was announced by Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, who is also rural and regional development minister.

He said the distribution reflected Felcra's continued strong performance, with profits rising nearly RM2 million compared with the same period last year.

"I hope this distribution is not only a financial boost, but also a motivation for participants to develop their projects.

"Let this profit be capital to in-

crease productivity, adopt new technology and strengthen competitiveness so that Felcra continues to be a pillar of rural economic development."

He said this at the Padi Seed Centre, Felcra Plantation and Services, in Seberang Perak.

Present were Deputy Rural and Regional Development Minister Datuk Rubiah Wang and Felcra chief executive officer Datuk Idris Lasim.

In a statement issued in conjunction with the event, Felcra said the profit increase was driven by an 81 per cent surge in net profit from oil palm projects and an increase in the average price of crude palm oil to RM4,423.83 per metric tonne.

It said another factor was operational efficiency that cut costs by 15 per cent while raising yield per hectare by 49 per cent.

Meanwhile, Zahid said Felcra had made history with the commercialisation of Felcra MRQ 107 fragrant rice, a local alternative to imported fragrant rice.

He said the variety, with its natural aroma, soft and tasty texture, and a modest yet stable yield suitable for parboiled rice, was expected to appeal to domestic tastes. It would also strengthen national food security by reducing reliance on imports and opening new markets, he added.

"Don't let this effort be just

about putting a brand on a bag. It must be on a par with other established brands."

On another matter, he called on Umno members to set aside past disputes and unite for victory in the 16th General Election (GE16).

He referenced the rivalry between former Umno Supreme Council member and Pasir Salak member of parliament Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman and Pasir Salak Umno chief Khairul Azwan Harun.

The Umno president and Barisan Nasional chairman said unity was key to electoral success.

"I will ensure they (Tajuddin and Khairul Azwan) reconcile for the sake of the constituency and its two state seats.

"What's past is past. We move forward. As a son of Perak, In-syaAllah, we can achieve victory if we build unity," he said.

Tajuddin and Khairul Azwan were present at the event.

The rivalry between Tajuddin and Khairul Azwan dates back to June 2023, when Tajuddin reportedly demanded an apology over alleged sabotage during the 15th General Election.

Zahid, who is Bagan Datuk member of parliament, confirmed his approval of Khairul Azwan's proposal to relocate the GiatMARA training centre from Kampung Gajah to Ulu Dedap.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	THE SUN	NATIONAL	2

Felcra profit hits RM178 million

PASIR SALAK: Felcra Bhd has recorded a profit of RM178 million from January until April, marking an increase compared with the same period last year.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said RM101 million of the total would be distributed in stages to 74,300 participants nationwide (starting yesterday).

"I congratulate Felcra Bhd for successfully maintaining a strong performance, with an increase of nearly RM2 million compared to the same period last year. I will be monitoring the profit distribution to all participants across the country," he said at the 2025 First Interim Distributable Profit Declaration ceremony for Felcra Bhd participant projects.

Also present were Rural and Regional Development Deputy Minister Datuk Rubiah Wang and Felcra Bhd CEO Datuk Idris Lasim.

Ahmad Zahid added that Felcra Bhd continued to make history in strengthening national food security through the commercialisation of its MRQ 107 *padi*, a local fragrant rice variety positioned as a high-quality alternative to imported rice.

He said the Seberang Perak area, covering more than 3,400ha and cultivated using modern methods by Felcra, had shown encouraging results with an average yield of eight metric tonnes per hectare annually.

"We expect production to exceed 27,000 metric tonnes of *padi*, equivalent to over 16,000 metric tonnes of rice per year, which can meet the needs of thousands of families. Hopefully, this becomes an example for other *padi* farmers," he said.

Meanwhile, Idris said the performance of the first interim distribution for 2025 was driven by several key factors, including efficient estate management and cost-saving measures. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	KOSMO	NEGARA	8

74,300 peserta Felcra dapat RM101j

- Cemerlang raih untung hingga April
- Babit 646 projek di seluruh negara

Oleh ASLIZA MUSA

PASIR SALAK – Felcra Berhad (Felcra) mencatatkan prestasi cemerlang dengan meraih keuntungan boleh agih bagi tempoh Januari hingga April lalu berjumlah RM101 juta menerusi Projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P).

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, jumlah itu akan diagihkan kepada 74,300 peserta di seluruh negara melibatkan 646 projek menguntungkan.

Katanya, jumlah keuntungan itu menunjukkan Felcra berjaya mengekalkan prestasi baik iaitu kenaikan hampir RM2 juta berbanding prestasi bagi tempoh sama tahun lalu.

"Saya tahu ada yang tertantikan pengumuman Keuntungan Boleh Agih Interim 1, Tahun 2025. Untuk makluman semua,



AHMAD ZAHID (tengah) ketika melawat reruai pameran dan petak Sawah MRQ 107 di Pasir Salak semalam.

prestasi keseluruhan projek P&P Felcra Berhad sehingga April 2025 adalah berjumlah RM178 juta.

"Daripada jumlah itu, saya mengumumkan bahawa bayaran jumlah Keuntungan Boleh Agih Interim 1, Tahun 2025, Projek-projek peserta Felcra adalah ber-

jumlah RM101 juta.

"Sudah tentu agihan keuntungan ini akan memberi manfaat kepada 74,300 peserta di seluruh negara dan keuntungan itu akan dibayar kepada peserta secara berperingkat mulai hari ini (semalam)," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pengisytiharan Keuntungan Boleh Agih Interim 1/2025 Projek-projek Peserta Felcra Berhad di pekarangan Pusat Benih Padi, Felcra Plantation Sdn. Bhd., Felcra Berhad Seberang Perak, di sini semalam.

Menurut beliau, agihan itu diharapkan bukan sahaja menjadi suntikan kewangan, tetapi juga pembakar semangat kepada semua peserta untuk terus memajukan projek masing-masing.

"Jadikan keuntungan ini sebagai modal untuk meningkatkan produktiviti, menggunakan pakai teknologi baharu dan memperkukuh daya saing agar Felcra terus menjadi tonggak pembangunan ekonomi luar bandar," katanya.

Beliau berkata, selain mencatatkan prestasi cemerlang, Felcra turut melakar satu lagi sejarah penting dalam usaha memperkukuh keterjaminan makanan negara melalui pengkomersialan Padi Felcra MRQ 107 iaitu varieti padi wangi tempatan yang menjadi alternatif berkualiti kepada beras wangi import.

Katanya, dengan aroma wangi semula jadi, tekstur nasi yang lembut dan enak serta hasil tuai yang sederhana tetapi stabil, varieti ini bukan sahaja sesuai dijadikan beras rebus, malah mampu memenuhi selera rakyat dan menyokong dasar sekuriti makanan negara.

'Preserve harmony in govt'

Zahid: Distinguish between legal and political matters

PASIR SALAK: Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi has advised all political leaders to distinguish between legal and political matters to preserve harmony within the government.

Action must be taken in cases of legal violations, while political disputes should be resolved through proper channels, he said.

"We do not want any incident to force a political decision to be made, as this could disrupt the unity among the 18 parties in the Madani government. In my view, we must separate legal matters from political matters," he said yesterday after officiating "Program Santunan Desa" organised by the Community Development Department (Kemas) in Perak.

Ahmad Zahid, who is also Barisan Nasional chairman and Umno president, urged all quarters to respect party decisions to maintain tolerance among component parties.

"Do not sensationalise an issue or try to become the most popular figure, only to end up damaging good relations between party leaders and at the grassroots level," he added, Bernama reported.

At another event, he said Felcra Bhd had continued to make history in strengthening national food security through the commercialisation of Felcra's MRQ 107 padi – a local fragrant rice variety that serves as a high-quality alternative to imported fragrant rice.

Ahmad Zahid said the Seberang Perak area, covering more than 3,400ha and cultivated using modern methods by Felcra, has shown encouraging performance with an average yield reaching eight metric tonnes per hectare annually.

"We expect production to exceed 27,000 metric tonnes of padi, equivalent to over 16,000 metric tonnes of rice per year, which can meet the needs of thousands of families. Hopefully, this becomes an example for other padi farmers," he said at the 2025



Staple food: Ahmad Zahid (second from right) taking a closer look at the MRQ 107 padi. With him are Rubiah (centre) and Idris (right). — Bernama

"I will be monitoring the profit distribution to all participants across the country."

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

First Interim Distributable Profit Declaration Ceremony for Felcra Bhd participant projects here yesterday.

Also present were Deputy Minister of Rural and Regional Development Datuk Rubiah Wang and Felcra Bhd chief executive officer Datuk Idris Lasim.

Ahmad Zahid said Felcra Bhd recorded a profit of RM178mil between Jan to April 2025, an

increase compared to the previous year.

Of this amount, RM101mil will be distributed to 74,300 participants nationwide in stages.

"I congratulate Felcra Bhd for successfully maintaining a strong performance, with an increase of nearly RM2mil compared to the same period last year. I will be monitoring the profit distribution to all participants across the coun-

try," he said.

Idris said the strong performance of the first interim distribution for 2025 was due to several key factors, including efficient estate management and the implementation of cost-saving measures.

"Through effective approaches in the use of fertilisers, pesticides and farm inputs, operational costs were reduced by 15% and yield per hectare increased by 49%," he said.

Idris also said Felcra's palm oil projects recorded an average net profit increase of 81%.

While profit distribution rates are influenced by crude palm oil price trends, he said improvements in estate performance remain the primary determining factor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

FELCRA catat untung boleh agih RM178 juta

RM101 juta diagih kepada 74,300 peserta secara berperingkat mulai semalam

Oleh Muhammad Zulayamini
Sofian Suri
bhnews@bh.com.my

Pasir Salak: FELCRA Bhd (FELCRA) mengumumkan keuntungan kasar boleh agih berjumlah

RM178 juta bagi Projek Penyelesaian dan Pemulihan dari Januari hingga April 2025.

Daripada Jumlah Keuntungan Boleh Agih Interim 1 Tahun 2025 itu, RM101 juta akan diagihkan kepada 74,300 peserta di seluruh negara, dibayar secara berperingkat bermula semalam.

Hasil keuntungan melalui 646 projek FELCRA itu diumumkan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Katanya, agihan keuntungan itu hasil kejayaan FELCRA menegakkan prestasi baik dengan

kenaikan hampir RM2 juta, berbanding prestasi bagi tempoh yang sama tahun lalu.

"Saya berharap agihan ini bukan sahaja menjadi suntikan kewangan tetapi juga pembakar semangat kepada semua peserta untuk terus memajukan projek masing-masing.

"Jadikan keuntungan ini sebagai modal untuk meningkatkan produktiviti, menggunakan teknologi baharu dan memperkukuh daya saing agar FELCRA terus menjadi tonggak pembangunan ekonomi luar bandar,"

katanya di Kampung Gajah, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang dan Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA, Datuk Idris Lasim.

FELCRA menerusi kenyataan sempena majlis itu memaklumkan peningkatan keuntungan didorong, antaranya oleh lonjakan 81 peratus keuntungan bersih projek kelapa sawit, kenaikan harga purata minyak sawit mentah kepada RM4,423.83 per tan dan kecekapan operasi yang me-

ngurangkan kos 15 peratus dan meningkatkan hasil per hektar 49 peratus.

Varieti padi wangi

Sementara itu FELCRA mengkomersial Padi FELCRA MRQ 107, iaitu varieti padi wangi tempatan yang menjadi alternatif berkualiti kepada beras wangi import.

Ahmad Zahid menyifatkan perkembangan itu sebagai sejarah penting buat agensi pembangunan sektor luar bandar di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah itu.



Ahmad Zahid melawat sawah padi MRQ107 pada Majlis Pelancaran Padi Benih Wangi di FELCRA Plantation Services Sdn Bhd Seberang Perak, semalam. (Foto BERNAMA)

Pahang first state to introduce prebiotic rice

TEMERLOH: Pahang has become the first state in Malaysia to produce prebiotic rice, marketed under the brand name Beras Pahang.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail said the rice differs from other local varieties as it offers multiple benefits.

"Beras Pahang is unique. It is a prebiotic rice, low in sugar and suitable for those with diabetes.

"It has already entered the market in limited quantities. For now, we are prioritising sales in Pahang before distribution in other states," he

told reporters after opening the Mini Maha Pahang 2025 at Dataran Temerloh yesterday.

Cultivated in the Ganchong padi fields in Pekan, the rice is said to be tastier, more fragrant and softer, while its prebiotic content supports digestion and overall bowel health.

At the event, Beras Pahang was offered at RM8 per kg.

Commenting on the inaugural Mini Maha Pahang, Wan Rosdy said it will be held at different locations each year following an overwhelming response, with over 80,000

visitors recorded on Saturday.

Meanwhile, citing the Malaysian Agriculture Census interim report released by the Statistics Department, Wan Rosdy said Pahang has proven its capability as the country's second-largest contributor to the agriculture sector after Johor, with sales worth RM25.12 billion.

Of that amount, he said 88% came from the crop subsector, proving Pahang's fertile land and the hardworking spirit of its people.

"Palm oil contributed RM14.18 billion, while vegetable production in Cameron Highlands

brought in RM3.6 billion, catering to both domestic and international markets.

"Musang King durian generated RM2.42 billion, strengthening its position as a global brand, while fresh milk output reached 9.05 million litres valued at RM47.25 million, making Pahang the country's top producer."

He added that Pahang is driving the high-value livestock industry, such as wagyu cattle, which generates economic returns and places the state on the map as a producer of premium livestock in the country. -Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Hasil tanaman merosot hingga 40 peratus, mempengaruhi harga pasaran

Cuaca panas jejas bekalan makanan

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Malaysia berdepan risiko krisis bekalan makanan segar termasuk sayur-sayur tempatan jika cuaca panas melampau berlanjutan sehingga September atau Oktober.

Cuaca panas melampau memberi ancaman serius kepada keterjaminan makanan negara yang menyaksikan hasil tanaman utama seperti padi, sayur-sayuran daun, buah-buahan dan jagung bijirin mengalami penurunan hasil antara 20 hingga 40 peratus di beberapa negeri.

Melalui bacaan suhu harian yang mencecah lebih 36 sehingga 39 darjah Celsius sebelum ini di kawasan utara dan tengah semenanjung serta paras air empangan menurun ke tahap bahaya, keterjaminan makanan kini berada dalam tekanan yang semakin kritikal.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Awam Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Prof. Madya Dr. Norazian Mohamed Noor berkata, gelombang cuaca panas melanda Malaysia sepanjang pertengahan pertama tahun ini memberi kesan besar bukan hanya kepada isu kesihatan dan bekalan air, tetapi terhadap sektor makanan



SEORANG pekebun berehat sebelum meneruskan kerja-kerja membajak ketika cuaca panas di Kampung Telok Epa, Arau, Perlis.

- UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

serta pertanian negara.

Katanya, data sistem telemetri Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bertarikh 22 Julai 2025, empangan Pedu menunjukkan simpanan air sebanyak 59.85 peratus iaitu menyaksikan penurunan berbanding tahun lalu iaitu sebanyak 64.61 peratus.

Ujar beliau, empangan Muda pula mencatatkan 52.44 peratus simpanan air juga menurun berbanding tahun lalu iaitu sebanyak 64.23 peratus, manakala empangan Ahning pula mere-

kodkan 61.45 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 64.71 peratus.

Katanya, tahap empangan yang semakin menyusut ini sememangnya memberi ancaman terhadap pengairan pertanian.

"Ini bermakna lebih daripada separuh kapasiti air empangan digunakan dan masih di atas paras amaran (-30 peratus) tetapi jauh di bawah paras ideal (-60 peratus). Sekiranya trend kekerangan itu berterusan, pelepasan air untuk pengairan dijangka semakin terhad sekali gus memberi

kesan langsung kepada petani.

"Paras air empangan yang merosot juga menyebabkan pengurangan pelepasan air untuk pengairan terutama di kawasan jelapang padi.

"Keadaan ini menyebabkan pertumbuhan tanaman terbanat dan dalam kes lebih teruk, tanaman mati sebelum matang, sekali gus menjejaskan bekalan ke pasaran tempatan.

"Selain itu, harga input pertanian meningkat kerana keperluan pengairan tambahan menggunakan pam air, baja tambahan dan rawatan tanah sekali gus meningkatkan kos pengeluaran makanan," katanya kepada Utusan Malaysia.

Akhbar ini melaporkan, cuaca panas luar biasa dengan suhu mencecah antara 35 hingga 37 darjah Celcius yang dicatatkan di enam lokasi di negara ini kian meresahkan rakyat.

Fenomena ini yang berlaku akibat fasa Monsun Barat Daya dijangka melanda negara sehingga pertengahan Oktober ini memaksa orang ramai mengubah dan mengehadkan aktiviti luar bagi mengelak risiko keletihan melampau dan dehidrasi.

Norazian berkata, impak jangka panjang terhadap keterjaminan makanan apabila kekerapan cuaca ekstrem itu menyebabkan musim tana-

man tidak menentu dan sukar dirancang.

Katanya, hasil pertanian per hektar terus menurun dan menyebabkan Malaysia semakin bergantung kepada import makanan, terutama beras serta sayur-sayuran.

"Kesannya lagi, petani kecil akan terkekan dan sebahagiannya mungkin meninggalkan sektor ini, yang sekali gus bakal mengurangkan kapasiti pengeluaran makanan tempatan.

"Selain itu, keselamatan makanan golongan B40 antaranya semakin terancam apabila harga makanan meningkat akibat kekurangan bekalan dan kos pengeluaran tinggi," katanya.

Tambahnya, jika cuaca panas melampau tersebut terus berlanjutan hingga September atau Oktober, Malaysia dijangka berisiko menghadapi krisis makanan segar termasuk bekalan sayur-sayuran tempatan selain harga makanan asas seperti beras, ikan dan ayam juga berkemungkinan melonjak mendadak.

Beliau berkata, El Nino dijangka menjadikan tempoh kemarau lebih panjang antara 2025 hingga 2030 dan memaksa petani di Kedah serta Kelantan mengubah jadual tanaman dan penggunaan varieti tahan kekurangan air seperti MR297 dan MRQ76.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	BERITA HARIAN	BISNES	27

Kompleks Farm Fresh di Perak hasilkan 33,000 liter susu sehari



Kejayaan bukti kerjasama erat sektor awam, swasta pacu transformasi industri tempatan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kompleks Tenusu Farm Fresh di Perak kini muncul sebagai antara kemudahan tenusu paling moden di Asia Tenggara dengan kapasiti pengeluaran sehingga 33,000 liter susu segar sehari.

Antara produk yang dikeluarkan ialah susu segar pastur, aiskrim dan mentega.

Lebih separuh daripada pengeluaran susu segar negara kini datang daripada ladang Kumpulan Farm Fresh di seluruh negara.

K keadaan ini bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada import, malah menyumbang secara langsung kepada pengukuhan keterjaminan makanan negara.

Kompleks berkenaan menjadi bukti nyata kejayaan pelaburan langsung domestik yang diterajui oleh Farm Fresh Bhd, hasil fasilitasi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) melalui program peningkatan teknologi dan pembangunan bakat yang dilaksanakan di negeri ini.

Pembangunan kompleks itu telah mewujudkan lebih 150 peluang pekerjaan berkemahiran untuk penduduk tempatan, dengan sebahagian besarnya diisi oleh golongan belia berusia bawah 30 tahun.

Selain itu, ia turut menjana peluang keusahawanan kepada lebih 350 usahawan dan ejen pengedaran susu di Perak, serta hampir 1,200 individu di seluruh negara.

Menariknya, 80 peratus da-

ri pada kumpulan itu terdiri daripada suri rumah, termasuk dalam kalangan asnaf dan B40, melalui program Usahawan Kasih MADANI yang dilaksanakan bersama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Majlis Agama Islam Perak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin mengunjungi kompleks itu sempena Karnival Usahawan Tenusu MADANI, sekali gus menyaksikan kejayaan transformasi industri tenusu negara yang mem-

beri limpahan manfaat besar kepada ekonomi dan masyarakat setempat.

Hasilkan penyelesaian inovatif
Ketua Eksekutif Pihak Berkualiti Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Mohamad Harris Kader Sultan, berkata kejayaan itu membuktikan pentingnya kerjasama erat antara sektor awam dan swasta dalam memacu transformasi industri tempatan.

"Inisiatif seperti ini membuktikan bahawa kolaborasi anta-

ra agensi kerajaan dan sektor swasta boleh menghasilkan penyelesaian inovatif yang memberi impak besar kepada ekonomi dan masyarakat," katanya.

Mohamad Harris berkata, Farm Fresh adalah contoh terbaik syarikat tempatan yang mampu bersaing di peringkat global melalui penyepaduan teknologi terkini dalam operasi harian mereka.

"Kejayaan Farm Fresh ini menjadi contoh terbaik bagaimana syarikat tempatan boleh bersaing di peringkat global dengan menyepadukan teknologi terkini, termasuk aplikasi kecerdasan buatan (AI), dalam operasi harian."

"Pendekatan ini selaras dengan agenda AI negara yang menekankan inovasi, kecekapan dan ketelusan, serta seiring dengan visi Kerajaan MADANI untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan agro-teknologi dan pertanian moden di rantau ini," katanya.

Kejayaan Farm Fresh ini menjadi contoh terbaik bagaimana syarikat tempatan boleh bersaing di peringkat global dengan menyepadukan teknologi terkini, termasuk aplikasi kecerdasan buatan (AI), dalam operasi harian



Mohamad Harris Kader Sultan,
Ketua Eksekutif NCIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Tiada aduan kupang, kerang tercemar dijual murah di PD

PORT DICKSON: Jabatan Perikanan Negeri Sembilan tidak menerima sebarang aduan berkenaan kupang dan kerang-kerangan lain dari perairan Port Dickson yang dijual secara murah.

Pengarahnya, Kasim Tawe berkata, susulan pengesanan kerang-kerangan dari perairan di sini yang dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan, arahan telah dikeluarkan supaya pengambilan, mengutip, mengeluarkan dan menuai kerang-kerangan dihentikan.

"Kami tidak menerima aduan seumpama itu dan sudah pun mengeluarkan arahan kepada semua nelayan untuk tidak mengambil, menuai atau menjual kerang-kerangan termasuk kupang dari perairan Port Dickson," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Katanya, tindakan awal diambil berjaya mengelak insiden keracunan akibat pengambilan kerang-kerangan termasuk kupang seperti tahun lalu daripada berulang.

Katanya, tindakan awal bermula dengan aduan nelayan

pada 5 Ogos lalu yang memaklumkan berlaku perubahan warna air laut iaitu kepada kemerahan.

Katanya, sampel kupang segera diambil pada 6 Ogos lalu untuk dianalisis dan hasil analisis mendapati bacaan biotoksin *Paralytic Shellfish Poisoning* (PSP) kupang dan kerang-kerangan di perairan Port Dickson melebihi 800 per bilion (ppb).

"Sampel kedua pada 12 Ogos lalu juga mendapati kandungan biotoksin masih di tahap bahaya. Bagaimanapun, pada tahun lalu, kita mendapati kepekatan biotoksin lebih tinggi sehingga merekodkan lapan kes keracunan makanan dan empat kes telah dirujuk ke unit rawatan rapi," katanya.

Ujar Kasim lagi, biotoksin marin PSP merupakan biotoksin yang sama mencemari kupang di perairan di sini pada tahun lalu.

"PSP ini berpunca daripada makanan laut yang terdedah dengan biotoksin marin *Paralytic Shellfish Toxin* (PST) yang dihasilkan oleh beberapa spei-

sis alga mikroskopik.

Menurutnya lagi, pertumbuhan alga berkenaan dipengaruhi oleh faktor seperti suhu, cahaya, nutrien dan aktiviti perkapalan.

"Kami akan mengambil sampel ketiga kupang pada minggu hadapan dan memantau keadaan setiap minggu hingga keputusan paras biotoksin rendah daripada paras yang dibenarkan," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Persatuan Nelayan Kawasan Telok Kemang mengeluarkan hebahan larangan penjualan dan penuaian sumber kerang-kerangan (dwicengkerang) dari perairan Port Dickson berikutan pengesanan fenomena yang dipercayai merupakan ledakan alga.

Susulan keputusan sampel kupang yang diperoleh pada 6 dan 12 Ogos lalu, semua pengusaha dan penternak kupang melalui sistem pancang dan panggar kupang diminta menghentikan pengambilan, mengutip, mengeluarkan dan menuai kerang-kerangan dari perairan Port Dickson.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

850 sertai pesta mengoca, buru baung ekor merah

Jelebu: Pesta mengoca dan ekspedisi buru baung ekor merah di sepanjang Sungai Triang di sini, menarik penyertaan seramai 850 orang yang datang dari daerah ini dan negeri lain.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan Kasim Tawe, berkata program bermula kelmarin memberi fokus utama menghapuskan ancaman ikan baung ekor merah.

Katanya, pesta mengoca diadakan semalam berhampiran Empangan Sungai Buloh diser-tai 300 peserta.

"Sebanyak 500 kilogram (kg)

pelbagai spesies ikan ditangkap menerusi dua program yang di-adakan.

"Mengikut dapatan data dan rekod dijalankan jabatan ini, se-banyak 25 spesies ikan masing-masing 21 spesies tempatan dan empat spesies asing ditangkap peserta sepanjang dua hari pro-gram," katanya.

Kasim berkata, penyertaan ramai peserta membuktikan usaha berterusan menghapuskan ancaman baung ekor merah.

Katanya, berdasarkan jum-lah spesies ikan yang ditangkap di Sungai Triang yang mengalir



Peserta pesta mengoca dan ekspedisi buru baung ekor merah di sepanjang Sungai Triang, semalam.
(Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

di daerah ini, keadaan sungai masih terkawal dan mempunyai ekosistem yang baik biarpun ada ancaman baung ekor merah.

"Program Buru akan dite-

ruskan pada masa akan datang, selain berharap nelayan darat di daerah ini akan sentiasa aktif menangkap spesies ikan ber-kenaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/8/2025	SINAR HARIAN	BISNES	1

Pulau Pangkor sumbang lebih RM42j

Penyumbang terbesar pendaratan ikan bilis di Perak pada 2024

IPOH

Pulau Pangkor muncul sebagai penyumbang terbesar hasil pendaratan ikan bilis di Perak dengan 2,844.44 tan metrik bernilai RM42.67 juta pada 2024.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam kenyataan memaklumkan pencapaian itu membuktikan peranan signifikan Pulau Pangkor dalam industri perikanan negara khususnya sektor penangkapan ikan bilis.

"Secara nasional, pendaratan ikan bilis di Malaysia pada 2024 ialah sebanyak 14,589.20 tan metrik bernilai RM164.89 juta dan ia merujuk kepada spesies sama iaitu bilis bunga air, sebagaimana dikategorikan dalam rekod rasmi.

"Antara negeri pengeluar utama ialah Sabah (5,956.17 tan metrik), Perak (2,852.91 tan metrik), Kedah (1,818.98 tan metrik) dan Kelantan (992.65 tan metrik)," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut memaklumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu terdahulu mengadakan lawatan kerja di kawasan perusahan ikan bilis di pulau berkenaan.

Pulau Pangkor ketika ini mempunyai 694 vesel berdaftar di pelbagai zon operasi iaitu Zon A (462 vesel), Zon B (44

vesel), Zon C (168 vesel) dan Zon C2 (20 vesel), yang membolehkan aktiviti pendaratan pelbagai spesies ikan dijalankan secara berterusan termasuk ikan bilis.

Selain ikan bilis, statistik turut menunjukkan antara 10 spesies utama didaratkan di Manjung Selatan pada 2024 ialah pelaling, tongkol, tamban sisik, selayang, kembung, cencaru, selar, udang putih serta sotong, dengan keseluruhan pendaratan bernilai RM644.08 juta.

"Pulau Pangkor juga menyumbang kepada sektor akuakultur Perak dengan pengeluaran 7,056.40 tan metrik pada 2024 melibatkan sistem ternakan kolam air payau, sangkar, kerang-kerangan, kolam air tawar, tempat penetasan serta hiasan air tawar di kawasan seluas lebih 1,264 hektar," menurut DOF.

Pulau Pangkor juga kekal sebagai lo-

kasi penting dalam industri perikanan negara dengan kelebihan strategik sebagai pusat pengeluaran ikan bilis berkualiti tinggi yang menjadi penanda aras industri berkenaan.

Sementara itu, Mohamad berkata, beliau meninjau beberapa projek ternakan ikan sangkar marin di Pulau Pangkor serta melawat perusahaan ikan bilis yang menerima bantuan rumah pengeringan untuk memastikan pengeluaran ikan berkenaan halal, bersih dan berkualiti.

"Semua inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memperkasa hasil laut negara. Dari sangkar ikan hingga ke pemprosesan ikan bilis dan hasil laut, matlamatnya ialah menambah nilai, membuka peluang pasaran yang lebih luas, serta meningkatkan pendapatan nelayan tempatan," katanya.

Raih rezeki lumayan tanam kacang bulu

Muhammad Fahmi
tuai 250kg sehari untuk
pasaran Semenanjung
Malaysia

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGANU

Siapa sangka kacang bulu atau lebih dikenali sebagai edamame yang dikatakan berasal dari Jepun mampu menjadi sumber rezeki lumayan jika diusahakan dengan tekun.

Ini dibuktikan oleh Muhammad Fahmi Ismail, 32, yang kini menjadi satu-satunya pengusaha tanaman itu di atas empat kawasan kebun berkeluasan kira-kira tiga ekar di Kampung Wakaf Mempelam dan Wakaf Che Kapor, di sini.

Menurutnya, tanaman yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran itu mampu dituai dalam tempoh 75 hari, sekali gus memberi pulangan mencukupi untuk menyara isteri dan lima anaknya.

"Permintaan untuk kacang bulu sentiasa ada. Buat masa sekarang, saya membekalkan hasil kepada pelanggan tetap melalui tempahan yang diterima dengan jualan RM15 sekilogram.

"Saya masih belum buka tempahan untuk restoran kerana risau stok tak cukup untuk pelanggan tetap yang sentiasa mengambil bekalan daripada saya," kata-



Setiap biji kacang bulu diperiksa bagi memastikan hanya hasil terbaik sampai ke tangan pembeli.



Bermula secara suka-suka menghasilkan pasu bunga ketika PKP, kini ia menjadi perniagaan sepenuh masa.



nya ketika ditemui Sinar Harian pada Ahad.

Anak ke sembilan daripada 10 beradik yang mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Nilam itu sebelum ini membantu bapanya, Allahyarham Ismail Bakar yang meninggal dunia pada 2018 akibat sakit darah tinggi.

Menurut Muhammad Fahmi, hasil dorongan ibunya, Embak Mamat, 60, menjadi pembakar semangat untuk meneruskan usaha keluarganya itu.

Bermodalkan RM6,000 pada 2016, Fahmi mula mengusahakan kacang bulu secara kecil-kecilan sebelum mengembangkan ladang ke beberapa lokasi lain.

Pernah rugi RM90,000

Fahmi berkata, tanaman kacang bulu yang dilakukan di atas tanah terdedah kepada cabaran cuaca tidak menentu serta serangan serangga dan haiwan.

"Untuk tanaman pokok kacang bulu ini nak kata susah sangat pun tak juga, senang sangat pun tak. Sebab ia perlu sentiasa dijaga, tetapi penjagaannya tidaklah begitu rumit.

"Selepas menuai, tanah akan dibaja secara organik dan benih ditanam semula. Proses ini mengambil masa 90 hari. Untuk satu ekar, saya buat lima peringkat tanaman supaya bekalan sentiasa ada.

"Selain cabaran cuaca hujan dan panas, tanaman ini juga terdedah kepada serangan kumbang perosak tanaman yang bersaiz kecil. Kalau di sini digelar 'kesing'.

"Biasanya, cara untuk atasi serangan serangga ini dengan menyembur racun serangga organik. Saya akan pastikan pokok yang ditanam dapat dikawal dan tidak berlaku serangan yang menyebabkan pokok mati," katanya yang kini mempunyai seramai tiga pekerja.

Katanya, dia pernah mengalami kerugian besar sehingga mencecah RM90,000 selepas ladang tanamannya itu musnah akibat banjir.

"Ketika masuk musim tuaian, semua pokok yang ditanam musnah kerana ditenggelami air pada 2019. Waktu tu saya tanam di Lingai, Sungai Ikan dekat Kuala Nerus.

"Sebanyak tiga ekar tanaman saya ditenggelami air dan kerugian mencecah RM90,000 dengan anggaran berat keseluruhan tuaian sebanyak lima tan. Lepas tu, saya buat keputusan tutup temp itu dan tanam di kawasan Wakaf Mempelam," ujarnya.

Permintaan meningkat selepas promosi

Pada peringkat awal, Fahmi berkata, dia hanya mampu mengeluarkan 100 kilogram sehari, namun selepas promosi

oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu tahun lalu, pengeluaran mencecah 250 kilogram sehari.

"Kacang bulu ni ada dijual terus di hadapan Sekolah Kebangsaan (SK) Wakaf Mempelam, di Jalan Pulau Musang, Kuala Bekah selain dihantar melalui kurier ke beberapa negeri termasuk Pahang dan Perak.

"Cuma Sabah dan Sarawak tidak dapat bekalan segar kerana kita belum ada sistem penyimpanan sejuk beku. Ada juga peminat kacang bulu di sana yang cuba tanam sendiri selepas belajar daripada saya," jelasnya.

Menurut Muhammad Fahmi, di Terengganu, kacang bulu lebih dikenali dengan hidangan rebus, namun dia percaya lebih banyak lagi variasi masakan boleh dihasilkan.

"Biasanya di Terengganu, kacang bulu direbus dengan garam dan makan begitu sahaja. Bagi penggemar makanan Jepun, kacang ini dikukus sahaja.

"Kalau tengok di media sosial banyak lagi olahan resipi lain yang boleh dihasilkan dengan kacang bulu seperti tumis dan goreng. Semuanya atas minat masing-masing," katanya.

Muhammad Fahmi aktif mempromosikan hasil tanaman melalui Facebook dan TikTok di menggunakan nama Muhammad Fahmi Pok.

Selain itu, beliau turut merancang untuk menghasilkan produk sejuk beku dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), namun masih menunggu kelulusan dan pembinaan tempat pemrosesan bersih.

"Untuk hasilkan produk sejuk beku ini saya rasa sambutan tinggi juga sebab ramai yang mahukan bekalan kacang bulu yang segar.

"Pasaran kacang bulu ini luas dan sentiasa ada permintaan. Bagi saya, rugi kalau tak teruskan sebab ia mampu menjana pendapatan yang stabil," katanya.



Seorang pekerja membersihkan kacang bulu yang dipetik bagi memastikan kualiti dan kesegarannya sebelum dijual kepada pelanggan.